

PROFIL ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)

Sejarah Penubuhan ABIM



Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hasil beberapa pertemuan generasi pengasas ketika itu. Pengerusi penaja rasmi ketika itu ialah (almarhum) Ustaz Abdul Wahab Zakaria dan sdr Fauzi Abd. Rahman (sekarang Dato') sebagai Setiausaha Agung.

ABIM merupakan sebuah (badan bukan kerajaan) NGO Islam yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan pada 17 Ogos 1972 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Muktamar ABIM yang pertama telah diadakan pada tahun 1972 di mana Ustaz Razali Nawawi (sekarang Profesor Dr) telah dipilih sebagai Presiden ABIM yang pertama manakala sdr Anwar Ibrahim (sekarang Dato' Seri) dipilih sebagai Setiausaha Agung.

Pada tahun 1974 sdr Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Presiden ABIM yang kedua. Ustaz Siddiq Fadzil (sekarang Dato' Dr) pula telah dilantik untuk memangku dan seterusnya menjadi Presiden ABIM selepas penyertaan sdr Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982. Ustaz Muhammad Nur Manuty (sekarang Dr) telah dilantik sebagai Presiden pada tahun 1991. Pada September 1997, sdr Ahmad Azam Abdul Rahman telah dipilih sebagai Presiden ABIM yang kelima di Muktamar Sanawi ABIM ke-26 di Alor Setar, Kedah.



Dalam era 1970-an, semasa ABIM berada di bawah kepimpinan Ustaz Razali Nawawi dan sdr Anwar Ibrahim, ABIM mengambil pendekatan *confrontational* dan dengan demikian, ABIM menjadi vocal terhadap beberapa dasar dan pendirian pihak pemerintah. Pendekatan ini dirasakan sesuai dengan tuntutan dan keperluan era itu.

Pada dekad kedua, di tahun-tahun 1980-an, ketika kepimpinan Ustaz Siddiq Fadzil, pendekatan ABIM ditandai oleh perubahan orientasi ke arah pendekatan menangani dan menyelesaikan masalah (problem-solving).

Pendekatan ini melahirkan banyak institusi dan agensi ABIM seperti Islamic Outreach-ABIM dan seumpamanya.

Ketika dekad ketiga 1990-an pula, ABIM yang berada di bawah kepimpinan Ustaz Muhammad Nur Manuty berperanan lebih proaktif sebagai rakan dalam pembinaan negara (partner in nation-building).



Di alaf baru, sdr Ahmad Azam Abdul Rahman membawa tema pemugaran semula idealisme untuk menggilap semula dinamika perjuangan serta agenda pemersatu ummah, bertepatan dengan tuntutan semasa yang begitu mendesak. ABIM terus menjadi jurubicara umat dalam pelbagai dimensi agar umat seluruhnya terpelihara iman, nyawa, harta, maruah, kebebasan, hak dan keselamatan mereka.

Visi, Misi dan Budaya ABIM



ABIM adalah sebuah gerakan yang bertunjangkan ilmu (knowledge-based) dan memilih untuk mengambil sikap terbuka serta sederhana (moderate) berasaskan realiti masyarakat setempat di samping memegang teguh prinsip-prinsip Islam serta kesepaduan ilmu, iman dan amal dalam rangka pembangunan manusia. Walaupun ABIM menangani isu-isu politik, namun ia sentiasa bersikap non-partisan; bebas dan tidak memihak atau tunduk kepada kepentingan mana-mana parti-parti politik.

Visi ABIM:

'Membina Dan Memimpin Tamadun Khayra Ummah'

Misi ABIM:

'Gerakan Islam Yang Komprehensif untuk Merealisasikan Cita-cita Islamiyyah'

Budaya ABIM:

- (a) Menghayati Budaya Ilmu,
- (b) Menghayati Amalan Kerohanian,
- (c) Menghayati Amal Shura dan Amal Jama'iyah,
- (d) Memahami dan Melibatkan Diri Pada Isu Semasa, dan
- (e) Menghayati Ruh - Jihad fi Sabilillah.



Objektif dan Tujuan Penubuhan ABIM

- i. Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah sesuai dengan ajaran asasi al-Qur'an al-Karim dan Sunnah Rasulullah s.a.w.
- ii. Menjalankan da'wah Islamiah dengan cara yang progresif kepada seluruh lapisan masyarakat;
- iii. Menggembleng tenaga belia seluruhnya dan mengarahkannya untuk kebaikan masyarakat;
- iv. Mewakili belia-belia Islam Malaysia di persidangan-persidangan luar negeri;
- v. Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang tidak berlawanan dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah.

Kaedah Pelaksanaan

- i. Menimbulkan kesedaran Islamiah melalui penerbitan-penerbitan, ceramah-ceramah, forum-forum, simposium-simposium, seminar-seminar dan lain-lain di kalangan masyarakat;
- ii. Menggalakkan penubuhan kumpulan-kumpulan pengkajian Islam (usrah) di dalam gerakan ini;
- iii. Menggalakkan penyelidikan dan pengkajian di dalam bidang-bidang dan hal-hal yang berkenaan dengan Islam;
- iv. Melatih petugas-petugas dakwah Islamiah;
- v. Menjaga dan memupuk ukhuwwah Islamiah di dalam dan di luar gerakan, sama ada di dalam mahupun di luar negeri;
- vi. Menegakkan yang ma'aruf dan mencegah yang mungkar;
- vii. Bekerjasama dengan lain-lain pertubuhan Islam yang benar-benar mendokong cita-cita Islamiah.

Keanggotaan ABIM

Keanggotaan ABIM terbuka kepada semua lapisan belia Islam di Malaysia tanpa mengira bangsa dan keturunan. Permohonan keahlian akan diperakui oleh Setiausaha Agung ABIM. Kini ABIM mempunyai lebih kurang 60,000 orang ahli dari pelbagai latar belakang kehidupan. Sesiapa yang berminat sila hubungi ibu pejabat ABIM atau cawangannya atau mendaftar secara online di Pendaftaran Online



Kepimpinan ABIM

Jawatankuasa pengurusan yang tertinggi ialah Jawatankuasa Kerja Pusat yang diketuai oleh Presiden. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat ini dilantik secara syura di Muktamar Belia Islam setiap dua tahun sekali. Jawatankuasa Kerja Pusat ini juga merancang dan melaksanakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti ABIM di pelbagai peringkat. Jawatankuasa Kerja Negeri dan Daerah pula ditubuhkan untuk merancang dan menjalankan program-program dakwah di peringkat negeri dan daerah masing-masing. Sila lihat stuktur kepimpinan dalam Qiyadah ABIM

Sekretariat ABIM

ABIM telah menubuhkan beberapa sekretariat untuk melicinkan pelaksanaan program-program dakwah.



Sekretariat ABIM Pusat

Sekretariat ABIM Pusat (SAP) di Kompleks Anjung Rahmat mula beroperasi pada Jun 2002 merupakan nadi kepada segala pergerakan dan aktiviti ABIM di seluruh negara. Pejabat Presiden dan Pejabat Setiausaha Agung yang diupayakan 20 orang staf sepenuh berperanan untuk berbagai perkhidmatan kepada ahlinya seperti;

- Perkhidmatan pendaftaran dan semakan keahlian,
- Pengurusan kewangan,
- Pembangunan Regenerasi ABIM,
- Unit Pembangunan Sosial, Unit Muslim Minoriti,
- Aktiviti pentadbiran seperti merancang, melaksana dan menyelaras segala urusan gerakan di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah dan,
- Menyediakan program latihan kemahiran dan kepimpinan dari masa kesemasa kepada ahli yang bersesuaian.



ABIM telah menyediakan website abim yang membolehkan ahli serta masyarakat dapat mengetahui pendirian dan pandangan ABIM dalam isu semasa dalam dan luar negara. Disamping itu ahli juga boleh mengikuti perkembangan abim serta aktiviti-aktivitinya sepanjang tahun. Sila lihat www.abim.org.my

Pejabat ABIM Pusat terletak di Kompleks Anjung Rahmat, Gombak, Kuala Lumpur. Kompleks Anjung Rahmat yang diuruskan sepenuhnya oleh Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI) terletak kira-kira 20 minit perjalanan dari Bandaraya

Kuala Lumpur. Ia menawarkan pelbagai kemudahan penganjuran program untuk tempahan ahli dan orang ramai termasuklah Dewan Besar yang mampu memuatkan seramai 1000 orang, 3 bilik seminar yang mampu memuatkan 150-200 orang setiap satu, penginapan asrama selain kemudahan surau yang luas amat sesuai untuk aktiviti-aktiviti berikut:-

- Mesyuarat agung, seminar, persidangan, bengkel, wacana.
- Hi-tea, majlis makan malam, majlis walimatul urus perkahwinan
- Program motivasi, kuliah, kelas pengajian, majlis graduasi.

Untuk tempahan bilik seminar, dewan dan tempat penginapan, sila hubungi: KBI Tel: 03-61886131 Fax: 03-61888492



Sekretariat Dakwah dan Tarbiyyah

Sekretariat ini diletakkan di bawah penyeliaan Timbalan Presiden dengan bantuan staf sepenuh masa yang terlatih untuk melaksanakan program tarbiyyah ahli-ahli serta latihan kemahiran yang bersesuaian.

Sekretariat Pembangunan Belia

Sekretariat Pembangunan Belia diletakkan di bawah penyeliaan Naib Presiden (Kebangsaan) untuk memastikan kesinambungan dan pertambahan ahli-ahli ABIM yang cukup.

Sekretariat Antarabangsa

Menerusi Misi Keamanan Sejagat (MKS) (atau Global Peace Mission (GPM)), Sekretariat Antarabangsa ini membantu ABIM memainkan peranan menangani konflik dan menyalurkan bantuan kemanusiaan dengan tumpuan kepada rantau Asia Tenggara di samping meneruskan aktiviti bantuan ke negara-negara seperti Bosnia-Herzegovina, Uzbekistan, Iraq, Afghanistan dan Chechnya. Misi Keamanan Sejagat (MKS) boleh dihubungi di talian 03-61888470.

Sekretariat HELWA

Sekretariat ini diletakkan di bawah pimpinan Naib Presiden (Wanita). HELWA (Hal Ehwal Wanita) ABIM berperanan mengatur aktiviti kewanitaan dan penyertaan aktif ahli-ahli wanita dalam program ABIM termasuk memperjuangkan isu-isu kewanitaan yang memerlukan pembelaan di pelbagai peringkat.

Sekretariat Dana dan Kewangan

Sekretariat yang diketuai oleh Setiausaha Kewangan ini ditubuhkan bagi menyelaras dan memusatkan semua urusan kewangan dan penyaluran dana bagi pelaksanaan program-program dakwah ABIM.

Sekretariat Pembangunan Sosial

Program Pembangunan Sosial ABIM mula digerakkan secara khusus pada tahun 1989 menerusi pelaksanaan Program Penyertaan dan Pembangunan Komuniti (PPPK-ABIM). Program pembangunan sosial ini kini diselenggarakan oleh Sekretariat Pembangunan Sosial di bawah penyeliaan Naib Presiden (Wanita) dengan menumpukan isu-isu dan masalah sosial yang semakin gawat khususnya di kalangan masyarakat bandar.

Sekretariat Wadah Dar al-Hikmah

Wadah Dar al-Hikmah (WADAH) telah ditubuhkan untuk melanjutkan usaha-usaha dakwah komprehensif secara bijaksana khususnya kepada generasi awal perintis dan aktivis ABIM. WADAH bertujuan membina idea-idea dakwah yang progresif sesuai dengan perubahan masa dan suasana, menggembleng tenaga dakwah bagi melaksanakan program-program dakwah, menyediakan tempat bagi melatih tenaga-tenaga dakwah yang kompeten bagi melaksanakan tugas-tugas dakwah dan menjadi wahana bagi melaksanakan program-program dakwah dan kesedaran sosial.

Agensi dan Pelaksanaan Aktiviti ABIM

Aktiviti Dakwah dan Tarbiyyah

Aktiviti dakwah merupakan teras utama gerakerja ABIM. Ia bertujuan menyebarkan kefahaman Islam yang komprehensif di samping aktif menganjurkan aktiviti berbentuk kebajikan kepada masyarakat. Dari semasa ke semasa, ABIM mengemukakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti dakwah yang baru kepada masyarakat Malaysia, selaras dengan gagasan dakwah bil hal untuk mengemukakan penyelesaian kepada pelbagai permasalahan umat.

Islamic Outreach ABIM (IOA), umpamanya, ditubuhkan pada 26 Oktober 1987 khusus bagi menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat bukan Islam. Di antara aktiviti anjuran IOA ialah

- a. Program Pengajian Islam Saudara Baru (Convert Development Programme) – kelas bimbingan agama pada hujung minggu,
- b. Islamicare yang khusus membantu golongan cacat anggota,
- c. Program Kebajikan Tajaan Kanak-Kanak – pengagihan bantuan pendidikan dan sara diri untuk kanak-kanak miskin dan anak-anak saudara baru,
- d. Program Ziarah Pesakit Hospital – lawatan mingguan ke wad pesakit kanser, leukimia, dan wad kanak-kanak dengan kerjasama Hospital Besar Kuala Lumpur, dan
- e. Projek Khidmat Orang Asli - program dakwah, bantuan sosio ekonomi dan perkhidmatan kesihatan asas.

Sekretariat IOA terletak di Jalan Ampang Hilir dan boleh dihubungi di talian 03-4256 9822 atau faks 03-4257 4500.

Dalam aktiviti dialog antara agama, ABIM merupakan sekretariat untuk World Council of Muslim Inter-Faith Relations (WCMIR) dan Majlis Antara Agama di peringkat NGO pula merupakan platform dialog keagamaan dengan pertubuhan agama lain seperti Kristian, Budhha, Hindu, Sikh, dan Bahai.

Aktiviti perkhidmatan sosial

Sekretariat Pembangunan Sosial (sepso) bertujuan menumpukan isu-isu sosial yang semakin gawat dikalangan komuniti bandar dan luar bandar. Program sepso terbahagi kepada program utama; Program Pembangunan Komuniti Setempat (PKS) dan Program Mengimarahkan Masjid (PRIMA) dan program umum; bengkel/seminar berkaitan dengan isu-isu semasa dan program khidmat komuniti. Disamping itu sepso turut membentuk kumpulan pengkaji sosial dan isu yang menumpukan isu-isu seperti gender, isu pembangunan komuniti, isu gejala sosial dan isu-isu yang terpilih.

Sehubungan dengan itu sepso memerlukan ramai sukarelawan dan mereka yang berminat boleh terlibat terus dalam ;

- Projek palative Day Care Center di Hospital Selayang
- Projek bersama PDK KAMII Gombak Setia
- Projek Manangani Gejala Sosial Gomabak
- Kempen Kesedaran HIV/AIDS, Rogol, Anti Rokok, Alam Sekitar dan lain-lain.
- Program mengimarahkan masjid.

Aktiviti Pendidikan

Sistem pendidikan yang dipelopori oleh ABIM sejak 1970-an adalah berasaskan kepada Konsep Pendidikan Bersepadu. Hasilnya, lahirlah pelbagai institusi pendidikan ABIM yang kini diletakkan di bawah pengurusan dan pentadbiran Yayasan Takmir Pendidikan, sebuah agensi yang ditubuhkan untuk menyelaraskan perkembangan institusi-institusi pendidikan di peringkat pra-sekolah dan menengah di seluruh negara. Yayasan Takmir Pendidikan boleh dihubungi di talian 03-89263211. Untuk mengetahui alamat TASKI, SERI, SEMI, Tahfiz, sila layari Portal Pendidikan ABIM

Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI) mula ditubuhkan pada tahun 1978. Sehingga kini, ABIM mempunyai lebih 360 buah TASKI di seluruh negara. Manakala lebih dari 21,000 orang orang kanak-kanak telah mendapat manfaat hasil sistem pendidikan bersepadu yang digunakan di TASKI ABIM.



Sekolah Rendah Islam (SERI) ABIM di seluruh negara merupakan antara institusi pendidikan yang terbaik bagi melahirkan pelajar cemerlang dari sudut akademik dan sahsiah. Manakala Sekolah Menengah Islam (SEMI) pula ditubuhkan sebagai lanjutan kepada sistem pendidikan di SERI.



Tahfiz Kelas Pengajian Al-Quran (TAHFIZ) memberikan tumpuan kepada kemahiran membaca Al-Qur'an, pengajian tajwid dan penulisan jawi oleh guru-guru bertauliah.

Kolej Dar al-Hikmah (KDH) menyediakan pendidikan bersepadu di peringkat pengajian tinggi dengan kelulusan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) seperti Diploma Syariah, Usuluddin, Psikologi, Perakaunan, Kewangan Islam, Muamalat, Perbankan, dan Pentadbiran Perniagaan. Para graduan berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan luar negara. Untuk keterangan lanjut sila hubungi 03- 8952392

Aktiviti Keilmuan dan Peningkatan Sahsiah

ABIM aktif menganjurkan pelbagai siri kuliah, syarahan, wacana, dialog, seminar, kolokium berbentuk keilmuan untuk manfaat ahli-ahli ABIM dan masyarakat. Kumpulan pengkajian ilmu (usrah) merupakan teras aktiviti ABIM di semua peringkat. Kumpulan usrah ini mempelajari al-Qur'an dan Hadith dengan tujuan mempraktikkan ajaran-ajaran tersebut di dalam kehidupan seharian. Untuk perkongsian ilmu secara menyeluruh kepada ahli-ahli abim, sekretariat DT telah mengumpulkan bahan dan isu semasa untuk dibincangkan di dalam Minda Mandani Online

Di samping itu, kursus kepimpinan (tamrin) pula dijalankan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan unit pada setiap tahun, di bawah pengawasan Sekretariat Dakwah dan Tarbiyah. Menerusi kursus-kursus ini, kualiti petugas-petugas dakwah dapat dipertingkatkan sesuai dengan kaedah yang diambil dan cabaran yang dihadapi oleh ABIM dalam mengetengahkan pemikirannya kepada masyarakat Malaysia.



Kuliah Tafsir Maudhu'iy di bawah pimpinan Dato' Dr. Siddiq Fadzil sejak 1998 telah banyak menafsirkan tema-tema besar Al-Qur'an seperti ilmu dan pendidikan, keadilan, sosiobudaya, ekonomi, da'wah, politik, pemerintahan negara dan sebagainya.

Siri Syarahan Pemikiran Ibn Khaldun pula dianjurkan di bawah pimpinan Ustaz Muhammad 'Uthman El-Muhammady mengupas gagasan besar sejarawan Islam, Ibn Khaldun yang terbuku dalam karya besarnya, al-

Muqaddimah.

Pelbagai seminar nasional dan antarabangsa anjuran ABIM sejak 1971 sehingga kini telah mengundang kehadiran tokoh-tokoh besar gerakan Islam arena antarabangsa ke Malaysia seperti Almarhum Shaykh Muhammad Al-Ghazali, Shaykh Abul Hasan Ali an-Nadwi, Shaykh Yusuf al-Qaradawi dan Shaykh Rached Ghannouchi.

ABIM turut menganjurkan pelbagai seminar dan ceramah. Di antara yang terpenting dan paling konsisten ialah seminar pemikiran Islam. Seminar ini bertujuan memperkenalkan dan mengetengahkan pemikiran-pemikiran dan tokoh-tokoh ilmuan Islam kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Aktiviti Penerbitan

ABIM banyak menerbitkan buku sejak awal penubuhannya dengan penumpuan diberikan kepada aspek kefahaman dan pemurnian aqidah penjelasan ilmu-ilmu fiqh tradisional dan semasa, penyebaran gerakerja dakwah, pola pemikiran tokoh-tokoh besar Islam selain isu-isu kemasyarakatan, kekeluargaan, budaya, politik, dan ekonomi. Buku-buku terbitan ABIM diuruskan oleh Tradisi Ilmu Sdn Bhd.

Di antara buku-buku yang pernah diterbitkan oleh ABIM ialah tulisan Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas seperti Islam: Fahaman Agama dan Asas Akhlak (1977), Islam and Secularism (1978), Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1984, 1990); tulisan Profesor Dr Yusuf al-Qaradawiyy seperti Memahami Keutamaan Berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah (Fiqh Awlawiyyat) (1996), Fiqh Kenegaraan (1999); dan tulisan Dato' Dr Siddiq Fadzil seperti Koleksi Ucapan Dasar ABIM (1989), dan Perspektif Qur'ani: Siri Wacana Tematik (2003), sekadar menyebut beberapa contoh.

Majalah RISALAH ABIM pula yang telah diterbitkan sejak 1971 mengutarakan analisis dan pandangan kritikal ABIM terhadap isu-isu semasa.



RISALAH ABIM adalah lidah rasmi ABIM dan nama majalah RISALAH ABIM ini telah diberikan oleh pengasas awal teras intelektual ABIM iaitu Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas. Kini RISALAH ABIM diterbitkan secara online di laman web ABIM Online.

Kedai buku ABIM yang diuruskan oleh Tradisi Ilmu Sdn Bhd menawarkan buku-buku dan bahan audio visual berkaitan pelbagai gerakan Islam serta perkembangannya di seluruh dunia termasuk penerbitan buku-buku berkualiti dari penerbit tempatan dan antarabangsa. Tradisi Ilmu Sdn Bhd boleh dihubungi di talian 03-79557225.

Aktiviti Ekonomi

Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI) yang ditubuhkan pada 30 Mei 1977 dengan hasrat untuk melahirkan sebuah institusi kewangan Islam ini telah menjadi institusi pertama di Malaysia yang memperkenalkan produk dan instrumen kewangan yang berlandaskan syariah. Idea penubuhan KBI lahir kerana menyedari betapa perlunya sebuah institusi ekonomi yang mempraktikkan sistem muamalat Islam yang tulen dan sekaligus memberi alternatif kepada sistem kewangan yang sedia ada.

Pemegang saham KBI berpeluang menerima bonus atau dividen setinggi 10% bergantung kepada tahun keuntungan. KBI sebagai agensi ABIM terlibat aktif dalam bidang perniagaan menerusi sektor-sektor (a) pembangunan hartanah (Giant Worldwide Sdn Bhd dan Adwa Properties Sdn Bhd), (b) teknologi maklumat dan pembangunan perisian (Is TechTel Sdn Bhd dan IS Soft Sdn Bhd), (c) pendidikan dan vokasional (Bina Ilmu Sdn Bhd dan Caltech Sdn Bhd), dan (d) perkhidmatan profesional (Kampung Baru Medical Centre (KBMC) dan KBI Engineering Sdn Bhd). Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI) boleh dihubungi di talian 03-61886131.

Aktiviti ABIM di Peringkat Nasional

ABIM mempunyai wawasan untuk melihat kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang bermaruah yang mampu mendepani cabaran zaman. Untuk ini ABIM amat prihatin terhadap pelbagai isu sosial, ekonomi dan politik negara. ABIM sedia mendokong dan memperjuangkan usaha-usaha

- (a) mewujudkan perpaduan ummah,
- (b) memperkukuhkan hubungan pelbagai kaum dalam rangka membina integrasi nasional,
- (c) membina rupa budaya bangsa yang sihat,
- (d) meningkatkan kualiti alam sekitar,
- (e) memperjuangkan keadilan,
- (f) membanteraskan kemiskinan, dan
- (g) membudayakan amalan politik yang bersih.

Perpaduan Ummah



ABIM sentiasa konsisten dalam usahanya membina kesatuan ummah. Usaha ABIM mempertemukan dua pemimpin parti terbesar negara telah terakam dalam sejarah melalui Syarahan Perdana Palestin anjuran bersama ABIM dan Dewan Bahasa Pustaka (DBP) pada 8 Mei 2002. Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Dr. Seri Mahathir Mohamad yang juga merupakan Presiden UMNO telah dipertemukan dengan almarhum Dato' Fadzil Nor (Presiden PAS merangkap Ketua Pembangkang Parlimen

ketika itu) di Balai Tun Syed Nasir, DBP.

Majlis yang turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Presiden PAS ketika itu, Dato' Seri Abdul Hadi Awang ini disaksikan di secara langsung di seluruh negara.

Rakan Dalam Pembangunan Belia



ABIM juga telah diberikan kepercayaan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk menjadi rakan pembangunan belia. Dengan mandat ini, ABIM bertanggungjawab memberi pengkhususan kepada program pembinaan insan melalui penganjuran aktiviti keagamaan dan kerohanian di seluruh negara.

Bengkel Penghayatan Ramadhan merupakan salah satu produk dakwah yang dirangka oleh ABIM untuk memenuhi matlamat tersebut. Sebanyak 555 buah masjid, 111 buah daerah seluruh negara terlibat serta seramai 25,000 orang remaja dan belia seluruh negara telah mendapat manfaat dari pengisian bengkel tersebut yang berupa pendedahan teori dan praktikal amalan murni di bulan Ramadhan, pengendalian aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid dan kawasan setempat.

Pembangunan Komuniti



Hari Bersama Komuniti yang dianjurkan di peringkat daerah dan mukim merupakan aktiviti lapangan ABIM yang menawarkan peluang kepada masyarakat setempat mendapatkan pelbagai manfaat melalui penglibatan agensi kerajaan, penguasa tempatan, sektor swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan.

Pelbagai pertandingan menarik untuk kanak-kanak, para ibu, remaja, belia, dan keluarga seperti sukaneka, pertandingan melukis, mewarna dan gubahan kraftangan, pameran dan khidmat nasihat oleh agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), badan swasta, aneka jualan gerai amal, pemeriksaan dan ceramah kesihatan secara percuma, kaunter menderma darah serta persembahan hiburan dan kesenian Islam.

Aktiviti ABIM di Peringkat Antarabangsa

Jaringan Dakwah Antarabangsa

ABIM adalah sebuah organisasi belia berorientasi dakwah yang aktif dalam pelbagai gabungan induk badan Islam sedunia seperti World Assembly of Muslim Youth (WAMY), Regional Islamic Southeast Asia and the Pacific (RISEAP), dan World Council of Muslim Inter-Faith Relations (WCMIR).



Di samping itu, ABIM juga menjalin hubungan yang akrab dengan badan belia lain di peringkat serantau dan antarabangsa. Antaranya ialah Asean Youth Council (AYC), Council of ASEAN Youth Coordination (CAYC), ASEAN Muslim Secretariat (AMSEC), Dewan Dakwah Islamiah, Muhammadiyah, Nahdatul Ulama (Indonesia), Young Muslim Association of Thailand (YMAT), Darul Arqam Singapura, Rabitah Islami (Arab Saudi), International Institute of Islamic Thought (IIIT), Jamaat-e Islami (Pakistan), Islami Chhatra Shibir (Bangladesh), Australian Federation of Islamic Council (AFIC), dan The Islamic Foundation (England).



Bantuan Kemanusiaan

Projek kemanusiaan ABIM adalah bersifat jangka masa panjang melibatkan mangsa-mangsa peperangan seperti membekalkan makanan dan ubat-ubatan, bekalan air bersih, pembangunan prasana dan kemudahan pendidikan

serta kesihatan.

ABIM memimpin gabungan 76 badan bukan kerajaan (NGO) di bawah Misi Keamanan Sejangat (Global Peace Mission) dan penaja kepada Malaysian Relief Agency – Sarajevo (MRA), Malaysian Relief International (MRI) selain aktif sebagai badan gabungan dalam Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (AMAN).

Kerjasama dan persefahaman erat dengan badan kemanusiaan antarabangsa seperti Islamic Relief Agency (ISRA), Hashimite Charity (Jordan) dan United Nations on Human Committee Relief (UNHCR) telah membolehkan ABIM melaksanakan projek bantuan kemanusiaan dan menjalin kerjasama dengan agensi bantuan tempatan di pelbagai pelusuk dunia.



ABIM terlibat secara langsung dalam misi kemanusiaan di peringkat antarabangsa seperti di Bosnia, Kosovo, Uzbekistan, Peshawar (sempadan Pakistan-Afghanistan), Kabul (Afghanistan), Kashmir (sempadan India-Pakistan), Qasr-e-Shirin (sempadan Iran-Iraq), Baghdad dan Najaf di Iraq serta Amman di Jordan.

Dasar Kerjasama

ABIM penuh sedar bahawa pembinaan ummah dalam erti yang sebenarnya adalah suatu perjuangan besar yang hanya boleh dicapai sekiranya terdapat gembungan tenaga dan kerjasama dari pelbagai pihak. Justeru, atas dasar kebajikan, ABIM sedia bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan yang menampakkan keikhlasan dan kejujuran mereka demi kepentingan ummah.

Alamat Perhubungan ABIM

Sekretariat ABIM Pusat

Kompleks Anjung Rahmat
Batu 6, Jalan Gombak
53100 Gombak
Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-61880300

No. Faks : 03-61896700

E-mel : abim@po.jaring.my

Laman web : <http://www.abim.org.my>

ALAMAT SEKRETARIAT NEGERI

Sekretariat ABIM Perlis

B-8, Jalan Dato' Wan Ahmad
Kampung Pengkalan Assam
01000 Kangar
Perlis
Tel: 04-9776794
Faks: 04-9776794
Setiausaha: Yus 'Aiman Yusoff

Sekretariat ABIM Kedah

Pengapit Batu
Km 5, Jalan Datuk Kumbar
05300 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7315317
Faks: 04-7305863
Setiausaha: Mohd Asri Zakaria

Sekretariat ABIM Pulau Pinang

2157, Tingkat Sg Gelugor 8
11700 Pulau Pinang
Tel: 04-6576131
Faks: 04-6576131
Setiausaha: Mahadi Deraman

Sekretariat ABIM Perak

Lot 27779, Batu 9, Jalan Jelapang
31200 Chemor
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-2012946
Faks: 05-2012946
Setiausaha: Mohd Nasir Kamarudin

Sekretariat ABIM Selangor
Pusat Pendidikan ABIM Klang
Lot 2792, Batu 8, Jln Meru
Mukim Kapar
42200 Klang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-33924652
Faks: 03-33924652
Setiausaha: Shirajuddin Sirat

Sekretariat ABIM Wilayah Persekutuan
27, Jalan Suadamai 2/3
Bandar Tun Hussein Onn
43200 Cheras
Selangor
Tel: 03-90803227
Faks: 03-90583877
Setiausaha: Mohd Asri Harun

Sekretariat ABIM Negeri Sembilan
No. 10, Tingkat 1, Wisma Memewah
Bandar Baru Uda Ampangan
70400 Seremban
Negeri Sembilan
Tel: 06-7630789
Faks: 06-7611578
Setiausaha: Rosli Ahmad

Sekretariat ABIM Melaka
Bangunan Al Huda
Lot 494, Taman Putra
75150 Bukit Baru
Melaka
Tel: 06-2864323
Faks: 06-3522552
Setiausaha: Nor Helme Omar

Sekretariat ABIM Johor
No. 10, Jalan Abdul Rahman Andak
80100 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel: 07-2216355
Faks: 07-2213562
Setiausaha: Jamaludin Songip

Sekretariat ABIM Pahang
Anjung Sekilau
(Masjid Lama Bukit Sekilau)
Jalan Sekilau 2
Bukit Sekilau
25200 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-5161435

Faks: 09-5161435
Setiausaha: Amidi Abdul Manan

Sekretariat ABIM Terengganu
No. 12, Tingkat 2, Taman Sri Intan
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-6312486
Faks: 09-6312489
Setiausaha: Mohd Nor Ismail

Sekretariat ABIM Kelantan
Lot 2864-A, Wisma Al Hikmah
Tanjung Mas
Jalan Pengkalan Chepa
15400 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim
Tel: 09-7730026
Faks: 09-7735272
Setiausaha: Mazlan Mat Zali

Sekretariat ABIM Sabah
Rumah ABIM Sabah
Jalan Kg Pasir Putih
Putatan, WDT 501
88905 Kota Kinabalu
Sabah
Tel: 088-767084
Faks: 088-767084
Setiausaha: Abdul Manaf Mahmud

Sekretariat ABIM Sarawak
No. 1193, Tingkat 1
Taman Sri Wangi
Jalan Menggris
93050 Petra Jaya
Sarawak
Tel: 082-447884
Faks: 082-447884
Setiausaha: Mokhtar Mohd Kassim